**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**Peperiksaan Semester Kedua**
**Sidang Akademik 1999/2000**

**FEBRUARI 2000**

**RHS 505 – Undang-Undang Dan Perumahan**

**Masa: 3 jam**

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA** muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **EMPAT (4)** soalan: **BAHAGIAN A** adalah **Wajib**
**BAHAGIAN B** (Jawab **TIGA (3)** soalan sahaja)

**BAHAGIAN A (Wajib)**

1. Tiap-tiap sesuatu Pemajuan Perumahan kita dapati beberapa akta-akta, undang-undang piawaian dan garispanduan yang digunapakai untuk mematuhi kehendak-kehendak pihak berkuasa kementerian, negeri dan tempatan.

   Andaikata anda diberi sekeping tanah yang luasnya lebih kurang 200 ekar bagi tujuan melaksanakan satu cadangan rumah kos rendah dan sederhana, nyatakan dan jelaskan Akta-Akta Undang-Undang, Piawaian dan Garispanduan berkaitan dengan komponen-komponen berikut:

   (i) Pemaju
   (ii) Tanah
   (iii) Konsultan
   (iv) Kebenaran Merancang
   (v) Kelulusan Bangunan

( 40 MARKAH )

**BAHAGIAN B**

2. Garispanduan Perancangan dan Pembangunan Sejagat merupakan satu paradigma baru dalam amalan perancangan dan pembangunan di negara kita. Nyatakan matlamat dan prinsip-prinsip yang terkandung dalam garispanduan ini dan jelaskan bagaimana prinsip-prinsip ini diaplikasikan dalam Pelan Susunatur Perumahan (penggunaan jadual ringkas digalakkan).

( 20 MARKAH )

…2/-

3. Dengan bantuan **rajah**, jelaskan Prosedur Pemerosesan Pelan Susunatur (Permohonan Kebenaran Merancang) yang dipraktiskan oleh Majlis Perbandaran Seberang Perai. Nyatakan faktor-faktor yang menyebabkan Permohonan Kebenaran Merancang ditolak dan apakah punca kelewatan Pemerosesan Pelan Susunatur ini?

( 20 MARKAH )

4. (a) Bincangkan kepentingan Undang-Undang Kecil Kerjatanah dan berikan kes-kes berkaitan dalam perbincangan tersebut.

(b) Senaraikan jabatan dan agensi yang terlibat dengan undang-undang dan polisi berkaitan kerjatanah dan jelaskan bidang yang mereka bertanggungjawab dan menguatkuasakan.

( 20 MARKAH )

5. (a) Berikan pendapat anda tentang polisi-polisi yang berkaitan dengan bayaran sumbangan atau deposit kepada pihak berkuasa berkaitan pembangunan perumahan.

(b) Sebagai Pengurus Projek untuk projek-projek perumahan anda perlu mengetahui keperluan-keperluan agensi dan jabatan yang menjalankan penguatkuasaan berkenaan infrastruktur. Senaraikan jabatan dan agensi tersebut dan jelaskan bidang infrastruktur di bawah kawalselia mereka.

( 20 MARKAH )

6. Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 1984 adalah berdasarkan Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 yang dipraktiskan oleh pihak-pihak berkuasa tempatan di Malaysia.

Mengapakah Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 1984 ini digubalkan sedemikian?

( 20 MARKAH )

7. Jelaskan dan bincangkan perkara-perkara berikut:

(a) Borang Kontrak Binaan Awam dan Borang Kontrak Binaan Persendirian.

(b) Denda lewat tarikh binaan.

(c) Sijil menduduki bangunan

( 20 MARKAH )



oooOOooo